



PERSIDANGAN MEJA BULAT

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN & MAQASID SYARIAH

28 APRIL 2016
DEWAN BESAR IKIM,
KUALA LUMPUR

MUKADIMAH

Maqasid al-Shari'ah bermaksud hikmah di sebalik pensyari'atan hukum atau manfaat yang disasarkan untuk dicapai oleh syari'ah, sama ada dengan membenarkan atau melarang sesuatu perkara. Maqasid dibahagikan kepada matlamat dunia serta akhirat. Matlamat-matlamat ini seterusnya dibahagikan kepada pemeliharaan manfaat dan penghindaran kemudaratan (*jalb al-masalih wa daf' al-darar*). Maqasid terjelma daripada model terbaik, iaitu syari'ah yang datanginya daripada sumber terbaik, iaitu al-Qur'an dan Hadith.

Setiap undang-undang, termasuk Perlembagaan Malaysia pada asasnya bermatlamat untuk memelihara masalah dan menghindarkan kemudaratan. Hal ini dizahirkan melalui peruntukan-peruntukan tertentu yang terkandung di dalamnya. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa persoalan penting yang perlu diberikan perhatian. Pertama, adakah peruntukan berkenaan menepati sepenuhnya kehendak maqasid? Kedua, adakah tafsiran peruntukan-peruntukan berkenaan dilakukan dengan bersendikan agama atau sebaliknya? Seterusnya yang ketiga, adakah pentafsiran peruntukan berkenaan memiliki pandangan alam Islam bagi memastikan pentafsiran yang dibuat adalah dalam kerangka agama?

Jelas bahawa Perlembagaan Malaysia merupakan sebuah dasar atau kerangka. Agamalah yang mengisi dasar tersebut sementara pandangan alam Islam memberikan makna terhadap dasar tersebut. Pandangan alam ini begitu penting kerana Perlembagaan yang memiliki prinsip-prinsip Islam sekalipun akan berubah menjadi sebaliknya seandainya pentafsiran peruntukan Perlembagaan berfahaman sekular. Sekiranya pula Perlembagaan masih belum menepati sepenuhnya matlamat syari'ah maka langkah tertentu perlu diambil bagi memastikan hal tersebut akhirnya terlaksana.

OBJEKTIF

- Membincangkan kepentingan pandangan alam Islam dalam pentafsiran peruntukan dalam Perlembagaan.
- Mengupas pendirian dan sikap agama terhadap kehidupan sekular.
- Menilai sejauh manakah Perlembagaan Malaysia/Persekutuan menepati Maqasid al-Syari'ah?
- Membahaskan perbandingan antara sifat-sifat asasi Maqasid al-Syari'ah dengan Perlembagaan Persekutuan.

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN & MAQASID SYARIAH

ATURCARA

08.00

Pendaftaran

09.05

MODERATOR & PENYELARAS PERSIDANGAN

Cik Wan Roslili Abd. Majid

Fellow, Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik (SYARAK), IKIM

09.10

KERTAS 1

Maqasid al-Shari'ah dalam Perlembagaan Persekutuan

YBhg. Prof. Madya Dr Shamrahayu A. Aziz

Fellow Utama, Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang & Politik (SYARAK) IKIM

09.50

KERTAS 2

Fleksibiliti Pentafsiran Perlembagaan dalam Pencapaian Matlamat Lebih Utama

YBhg. Prof. Dr Mohd Farid Sufian Shuaib

Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim (AIKOL), Universiti Islam Antarabangsa

10.30

KERTAS 3

Pendirian Agama terhadap Sekularisme

YBhg. En. Md Asham Ahmad

Fellow Kanan, Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang & Politik (SYARAK) IKIM

11.10

Sesi Perbincangan

12.00

Jamuan Tengah Hari dan Bersurai

28 APRIL 2016
DEWAN BESAR IKIM

PERTANYAAN & PENDAFTARAN



03-62046326



+6012-7176200



03-62046201



program@ikim.gov.my



www.ikim.gov.my



Institut Kefahaman Islam Malaysia